



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



TERMA RUJUKAN PENGURUSAN PROJEK RINTIS 2 YEARS EXIT PROGRAMME

**DISEDIAKAN OLEH
BAHAGIAN KEBAJIKAN PRODUKTIF
JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

**2014/2015
EDISI KEMASKINI 2016**

TERMA RUJUKAN PENGURUSAN PROJEK RINTIS 2 YEARS EXIT PROGRAMME (2YEP)

1.0 TUJUAN TERMA RUJUKAN

Kertas ini bertujuan menyediakan garis panduan pengurusan dan pengendalian projek rintis 2 Years *Exit Programme* (2YEP) :

- untuk memastikan pengurusan klien kebajikan yang produktif dapat dikendalikan dengan cekap dan sistematik;
- agar pengendalian dan pengurusan klien bagi Kebajikan Produktif dapat diseragamkan;
- semua pihak yang bertanggungjawab memahami peranan dan tanggungjawab masing-masing semasa menguruskan klien produktif di bawah 2 Years *Exit Programme* melalui pendekatan *Productive Welfare*; dan
- menjadi rujukan dalam mengurus penerima bantuan kebajikan yang produktif untuk berdikari dan menerima bantuan kewangan kebajikan dalam tempoh **maksimum 2 tahun sahaja**

2.0 TUJUAN PROGRAM

Tujuan program ialah sebagai satu *exit policy* untuk menggalakkan penerima bantuan Jabatan yang produktif agar berdikari melalui penglibatan secara aktif dalam pekerjaan atau program menjana pendapatan tanpa bergantung kepada bantuan sebagai saraan hidup.

3.0 LATAR BELAKANG

Productive Welfare ialah suatu pendekatan bagi membantu penerima bantuan kebajikan ke arah hidup berdikari dan survival, supaya tidak bergantung kepada bantuan selama-lamanya dengan memperkasakan klien bagi meneruskan kehidupannya sendiri serta menggiatkan program-program ke arah pembangunan modal insan.

Pendekatan ini mengambilkira aspek meningkatkan motivasi klien supaya bersedia untuk bekerja selepas memperolehi latihan kemahiran yang sesuai dengan keupayaannya. Penglibatan klien dalam pekerjaan adalah secara berterusan bagi memastikan klien tidak kembali kepada bantuan kebajikan untuk saraan hidup.

4.0 RASIONAL DAN JUSTIFIKASI

Statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat menunjukkan bahawa penerima bantuan bulanan JKM adalah meningkat dari tahun ke tahun dan secara tidak langsung kadar peningkatan tersebut memberi implikasi kewangan yang besar dalam perbelanjaan kewangan Kerajaan pada setiap tahun sebagaimana yang tertera di jadual 1.

**Jadual 1 : Jumlah Penerima Bantuan JKM Mengikut Tahun
(Dari Tahun 2005- 2014)**

TAHUN	JUMLAH KES	IMPLIKASI KEWANGAN (RM)
2005	161, 229	189,510,738
2006	178, 666	242,150,124
2007	207, 828	322,427,595
2008	221, 602	371,214,940
2009	353, 889	758,798,663
2010	417,552	1,188,881,729
2011	473,928	1,352,739,117
2012	514,066	1,472,064,853
2013	493,076	1,542,312,172
2014	492,607	1,461,518,435

Sumber : Jabatan Kebajikan Masyarakat

Berdasarkan statistik di atas didapati bahawa dari tahun 2005 hingga 2012 berlaku peningkatan jumlah penerima bantuan sekitar 8-12% setiap tahun, dan kemudian berlaku sedikit penurunan pada tahun 2013 dan 2014.

Walaupun begitu, melihat kepada statistik tersebut, boleh diramalkan bahawa unjuran kadar peningkatan kes akan berlaku pada tahun-tahun mendatang terutama dalam menghadapi isu ekonomi global ketika ini,

sekiranya tiada usaha untuk mengurangkan peningkatan penerima bantuan. Scenario tersebut secara tidak langsung akan memberi implikasi kepada beban kewangan negara.

Oleh yang demikian, suatu pendekatan sebagai “**exit-policy**” terhadap fenomena tersebut amat perlu bagi mengurangkan sindrom kebergantungan masyarakat kepada bantuan kerajaan semata-mata, di samping untuk mencapai matlamat jabatan ke arah menjadikan perkhidmatan bantuan kepada kumpulan sasar produktif untuk tempoh tidak melebihi 2 tahun.

4.0 OBJEKTIF PROGRAM

- 4.1 Pembangunan klien produktif dalam tempoh 2 tahun
- 4.2 Pemerksaan klien dalam meningkatkan kefungsian mereka ke arah berdikari
- 4.3 Platform penjanaan pendapatan bagi klien produktif
- 4.4 Pengurangan perbelanjaan bantuan bulanan atau langkah penjimatan kewangan kerajaan
- 4.5 Meningkatkan jumlah klien yang berjaya ditamatkan bantuan kerana telah mampu berdikari dan keluar dari kepompong kemiskinan

5.0 FOKUS KUMPULAN SASAR

Klien penerima bantuan yang produktif iaitu :

- Kesihatan : sihat tubuh badan dan mental
- Umur : berusia di antara 18 – 55 tahun
- Keupayaan : mampu bekerja, bermotivasi tinggi dan boleh dibangunkan ke arah berdikari (keutamaan diberikan kepada yang telah memulakan projek/perniagaan)
- Skim Bantuan : fokus kepada penerima skim bantuan berikut iaitu :
 - ❖ Bantuan Kanak-Kanak (BKK);
 - ❖ Elaun Pekerja Cacat (EPC); (Keutamaan kepada penerima yang mempunyai pendapatan RM900-RM1000/RM1200)
 - ❖ Bantuan Am (BA)

6.0 TEMPOH PELAKSANAAN

Tempoh pelaksanaan adalah selama 2 tahun

7.0 STRATEGI PELAKSANAAN

- 7.1 Pemberian bantuan maksimum 2 tahun;
- 7.2 Bantuan yang diluluskan kepada klien bersekali dengan pakej berdikari di bawah *Productive Welfare*;
- 7.3 Mewujudkan Jawatankuasa Penilaian 2YEP peringkat Negeri/Daerah;
- 7.4 Pemantapan pengurusan kerja kes “*case management*” melalui seliaan yang berkala dan berjadual (setiap bulan) sepanjang tempoh 2 tahun untuk membimbing klien ke arah berdikari;
- 7.5 Penglibatan klien secara aktif dalam bidang latihan, kemahiran, penempatan pekerjaan atau program-program menjana pendapatan;
- 7.6 Membina rangkaian kerjasama multi sektoral dalam membangun klien ke arah berdikari; dan
- 7.7 Pemberian insentif, ganjaran dan peneguhan positif kepada klien dan pekerja kes yang berjaya

8.0 PROSES PELAKSANAAN

Pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan program “**2 Years Exit Programme**” adalah melalui empat (4) proses utama iaitu pertama, tahap saringan. Kedua, tahap penempatan dan intervensi. Ketiga, tahap pemantauan dan yang terakhir tahap penamatan.

Tahap pertama bermula sejurus selepas permohonan bantuan dikemukakan kepada PKMD/J/B untuk pertimbangan. Dalam pengendalian program ini klien tidak akan terlibat dalam proses kajian semula. Klien yang diluluskan bantuan BKK, EPC, dan BA akan terikat dengan bantuan yang dipohon untuk tempoh maksimum dua (2) tahun sahaja. Walau bagaimanapun bagi kes sedia ada, masih mengekalkan proses kajian semula setahun sekali bagi ketiga-tiga skim yang dinyatakan. Proses kerja yang perlu dilakukan oleh pekerja kes di peringkat PKMD/J/B dalam mengurus kes produktif adalah seperti berikut :

8.1 PROSES PERTAMA : TAHAP SARINGAN

Di tahap saringan terdapat dua (2) proses iaitu pertama proses saringan awal dan kedua, proses saringan lanjutan.

8.1.1. Proses saringan awal

Klien penerima bantuan disaring mengikut kategori produktif dan tidak produktif mengikut skim bantuan yang dipohon. Fokus kepada penerima bantuan produktif di kalangan pemohon skim **BKK, BA** dan

EPC sahaja. Di peringkat ini, klien akan dinilai kesesuaian berdasarkan kriteria produktif iaitu :

- Kesihatan : sihat tubuh badan dan mental
- Umur : berusia di antara 18 – 55 tahun
- Keupayaan : mampu bekerja, bermotivasi tinggi dan boleh dibangunkan ke arah berdikari (keutamaan diberikan kepada yang telah memulakan projek/perniagaan)
- Skim Bantuan : fokus kepada penerima skim bantuan berikut:
 - ❖ Bantuan Kanak-Kanak (BKK);
 - ❖ Elaun Pekerja Cacat (EPC); (Keutamaan kepada penerima yang mempunyai pendapatan RM900-RM1000/RM1200)
 - ❖ Bantuan Am (BA)

8.1.2 Proses saringan lanjutan

Di peringkat ini, klien akan disaring dengan lebih lanjut/ teliti dari aspek personaliti, tahap motivasi dan kesesuaian minat kerjaya iaitu :

- **Menjalani ujian penaksiran psikologi** – pekerja kes dengan kerjasama Pegawai Psikologi atau Penolong Pegawai Psikologi yang telah menjalani latihan/ kursus mengendalikan atau mentadbir alat ukuran berkaitan (sekurang-kurangnya 6 jam latihan) untuk menjalankan penilaian terhadap klien dengan menggunakan alat ujian penaksiran psikologi berikut:
 - i. Alat Ujian Penaksiran Motivasi – **A Quick Measure Of**

Motivation Achievement Versi Malaysia (Ray, 1979)

- ii. Alat Ujian Penaksiran Personaliti – ***Big Five Inventory – 10 (BFI-10;Rammstedt & John, 2007)***
- iii. Alat Ujian Penaksiran Minat Kerjaya – ***Survei Minat Kerjaya – Prof. Madya Dr. Nor Ba’ayah UKM***

Alat Ujian Penaksiran Psikologi di perkara (i), (ii) dan (iii) adalah seperti di lampiran (***rujuk Lampiran A : A1-A7***). Bagi memudahkan pekerja kes atau Pegawai Psikologi mengendalikan atau mentadbir alat ujian psikologi, manual disediakan sebagai rujukan dan panduan (***rujuk Lampiran Manual***)

- Klien seterusnya akan melalui proses temubual secara berterusan dan pekerja kes akan membuat **analisis SWOT** iaitu melihat faktor luaran dan dalaman klien meliputi kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada pada diri dan persekitaran mereka (***rujuk Lampiran B***)
- Pekerja kes kemudian akan menjalankan kaedah temubual selanjutnya untuk melihat hubung kait ujian penaksiran yang telah dilaksanakan dengan analisis SWOT untuk menentukan intervensi yang diperlukan seperti berikut:
 - I. Berkemahiran dan bermotivasi
⇒ Intervensi pemberian **modal/ pekerjaan**
 - II. Berkemahiran dan tiada motivasi
⇒ Intervensi penglibatan dalam program **motivasi/ kaunseling**

- III. Bermotivasi dan tiada kemahiran
⇒ Intervensi penglibatan dalam **latihan/kemahiran** yang bersesuaian dengan minat
- Seterusnya apabila selesai membuat saringan melalui alat penaksiran psikologi, klien akan diberi penerangan hasil ujian yang telah dijalankan dan penentuan samada mereka layak untuk menyertai 2YEP atau tidak. Sekiranya mereka layak maka proses seterusnya adalah pemberian **Surat Aku Janji (seperti Lampiran C)** untuk ditandatangani sebagai setuju terima menyertai 2YEP
 - Setelah klien faham isi kandungan dan menandatangani Surat Aku Janji, pekerja kes akan memberikan boring (JKM18 dan Format Kertas Cadangan Projek) untuk dilengkapkan oleh klien sebagaimana proses pengurusan pemberian Bantuan Geran Pelancaran – PK18 sebagaimana berikut :
 - I. Pengisian Borang JKM 18 (**Lampiran D**)
 - II. Sebutharga barang yang dimohon
 - III. Kertas Cadangan Projek (**Lampiran E**)
 - Bagi klien yang tidak dipertimbangkan (tidak lulus saringan lanjut melalui penaksiran alat psikologi) atau calon simpanan atau calon KIV disebabkan mereka dikenalpasti sebagai mengalami beberapa masalah yang kompleks dan perlu rujukan Kaunselor atau Pegawai Psikologi/ Penolong pegawai Psikologi atau Pakar

Psikiatrik Hospital untuk intervensi kaunseling atau terapi jiwa, maka pekerja kes perlu merujuk kepada pegawai berkaitan untuk tindakan selanjutnya.

- Kemudian, pekerja kes perlu mendapatkan laporan intervensi yang telah dilakukan oleh Kaunselor atau Pegawai Psikologi/ penolong Pegawai Psikologi atau Pakar Psikiatrik Hospital untuk tujuan rekod fail dan intervensi lain yang sewajarnya.

8.2 PROSES KEDUA : TAHAP INTERVENSI DAN PENEMPATAN

Dalam proses ini pekerja kes telah mula membuat perancangan dan pelaksanaan dengan menggunakan *gantt chart* pelaksanaan 2YEP yang telah disediakan. Klien boleh dilibatkan dalam kerja kes, kerja kumpulan atau kerja komuniti mengikut kesesuaian dan keperluan dari semasa ke semasa. Pekerja kes perlu membuat perancangan kes bersama klien dan wujud penglibatan secara langsung klien dalam setiap gerak kerja, disamping wujud persetujuan klien terhadap perancangan dan matlamat yang hendak dicapai dalam setiap perancangan yang dilakukan.

8.2.1 Intervensi awal

Semua klien yang diluluskan menerima BKK, BA dan EPC dan telah menjalani proses saringan lanjut diwajibkan menjalani **Program Pembangunan Minda**. Pekerja kes boleh bekerjasama dengan Pegawai Psikologi, Kaunselor, Pakar Motivasi atau penceramah yang berkaitan dalam bidang pembangunan insan

bagi menjalankan program perubahan minda dan kesedaran kendiri di kalangan peserta yang terlibat.

8.2.2 Klien yang mampu bekerja, berkemahiran dan bermotivasi

⇒ **Perlukan intervensi pemberian modal atau penempatan pekerjaan**

Klien akan diberikan modal atau penempatan kerja oleh JKM ataupun melalui agensi berkaitan seperti JobsMalaysia, TEKUN, Jabatan Pertanian, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Jabatan Perikanan, Jabatan Veterina, MARDI dan sebagainya.

Bagi klien yang berminat untuk menjalankan projek perusahaan dan penjanaan pendapatan dalam perniagaan, pekerja kes boleh membimbing klien dalam projek individu atau kelompok atau projek komuniti mengikut kesesuaian pengetahuan, kemahiran, kecenderungan dan minat yang mereka miliki.

Klien juga boleh dibuat padanan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemahiran, pengetahuan dan minat yang dimiliki sekiranya mereka mahu bekerja dengan majikan samada dirujuk ke JobsMalaysia, sektor swasta, badan berkanun, syarikat persendirian, sektor korporat dan sebagainya (seperti *employability programme, Job Matching, Job Coach*).

8.2.3 Klien yang mampu bekerja, berkemahiran dan tiada motivasi

⇒ **Perlukan intervensi motivasi**

Klien akan ditempatkan kepada Pegawai Psikologi/ Kaunselor dan akan menjalani intervensi kaunseling ataupun program-program motivasi. Selepas tamat mengikuti tahap intervensi tersebut, klien akan ditempatkan pada pekerjaan yang berkaitan ataupun diberikan modal oleh JKM atau agensi yang berkenaan.

8.2.4 Klien yang mampu bekerja, bermotivasi dan tiada kemahiran

⇒ **Perlukan intervensi latihan**

Klien akan mengikuti latihan kemahiran di agensi berkaitan mengikut bidang yang diminati berdasarkan keupayaan yang dimiliki. Selepas tamat mengikuti latihan kemahiran, klien akan diberi modal atau penempatan kerja oleh JKM atau agensi yang berkaitan.

8.3 PROSES TIGA : TAHAP PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

Di tahap ini pekerja kes akan membuat pemantauan dan penilaian secara berkala dan konsisten mengikut jadual yang dirancang. Pemantauan dan penilaian dilakukan terhadap projek dan perkembangan klien (perubahan sisoekonomi, perkembangan minat kerjaya, potensi, kesejahteraan hidup keluarga dan sebagainya) secara menyeluruh.

8.3.1 Proses Pemantauan

- Pemantauan dan seliaan akan dilakukan setiap bulan dalam menilai perkara berikut :
 - i. perkembangan kemahiran atau latihan yang diikuti klien
 - ii. pembangunan dan kemajuan projek yang diusahakan atau pekerjaan yang diceburi
 - iii. perubahan kualiti kehidupan klien
 - iv. penjanaan pendapatan atau pergerakan pendapatan bulanan klien
- Klien akan dibekalkan **Buku Rekod Kemajuan Klien** dan **Buku Rekod Perniagaan** untuk diselenggara oleh klien bagi memastikan mereka komited terhadap kemajuan diri dan projek atau pekerjaan yang diceburi.
- Klien juga akan dipantau dari segi pendapatan dan diklasifikasikan mengikut **gred warna**. Pemantauan mengikut gred warna dilaksanakan bagi membolehkan pegawai / pekerja kes membuat

penilaian dan pemantauan yang rapi dari semasa ke semasa terhadap prestasi klien dan memastikan bahawa klien yang terlibat dalam program ini mampu dikeluarkan mengikut masa yang ditetapkan, disamping meminimakan risiko kegagalan projek/ pekerjaan yang diceburi oleh klien. Dalam tempoh 2 tahun, setiap klien produktif akan dikategorikan mengikut gred sebelum mereka ditamatkan bantuan.

- Gred merah, kuning, hijau diberikan kepada klien berdasarkan pencapaian pendapatan klien mengikut PGK semasa (minima) dengan menilai perkara berikut:
 - i) Pencapaian projek yang dijalankan setiap bulan atau;
 - ii) Kehadiran, prestasi kerja dan pendapatan bulanan klien di tempat kerja

GRED MERAH : TAHAP INTERVENSI

Berikut adalah kriteria klien yang boleh dikategorikan berada dalam kelompok gred merah:

- Penerima bantuan baru atau sedia ada di kalangan penerima skim BKK/EPC/BA yang telah dikategorikan sebagai penerima bantuan yang produktif.
- Telah mendapat modal atau telah ditempatkan pada bidang kemahiran/ bidang kerja mengikut minat
- Bulan pertama : telah terlibat intervensi latihan/motivasi dan penempatan pekerjaan/ menjana pendapatan tetapi belum memperolehi pendapatan bulanan yang tetap pada 2 bulan pertama selepas terlibat dalam program.

- Bulan kedua dan ketiga : telah selesai intervensi dan berada di penempatan bidang pekerjaan atau projek penjanaan pendapatan melalui projek ekonomi atau perniagaan serta menjana pendapatan bulanan. Mencapai minimum pendapatan sebanyak RM300-RM700 sebulan bagi skim BKK dan BA serta RM500-RM900 sebulan bagi skim EPC.

GRED KUNING : TAHAP PRASURVIVAL

Berikut adalah kriteria klien yang boleh dikategorikan berada dalam kelompok gred kuning:

- Mencapai tahap pendapatan sebanyak RM800-RM1100 sebulan bagi skim BKK dan BA serta RM1000-RM1200 sebulan bagi skim EPC.
- Kehadiran dan prestasi klien memuaskan dan konsisten
- Projek yang dijalankan menunjukkan kemajuan
- Mendapat keuntungan/pendapatan yang mencapai 30% hingga 50% daripada modal yang dikeluarkan
- Prestasi kerja/ projek konsisten dan menunjukkan peningkatan serta perubahan pada sosioekonomi klien dan keluarga
- Klien dalam proses untuk dicadang dalam senarai peserta yang berpotensi untuk diberhentikan bantuan

GRED HIJAU : TAHAP SURVIVAL

Berikut adalah kriteria klien yang boleh yang boleh dikategorikan berada dalam kelompok gred hijau:

- Mencapai tahap pendapatan melebihi RM1200 sebulan bagi skim BKK dan BA serta melebihi RM1300 sebulan bagi skim EPC
- Kehadiran dan prestasi klien memuaskan serta konsisten
- Projek yang dijalankan menunjukkan kemajuan dan kejayaan
- Mendapat keuntungan/pendapatan yang mencapai 80%-100% daripada modal yang dikeluarkan
- Prestasi kerja/projek konsisten dan menunjukkan peningkatan serta perubahan pada sosioekonomi klien dan keluarga
- Telah mantap dalam bidang pekerjaan yang diceburi dan tahap keupayaan untuk berdikari adalah tinggi
- Klien telah tersenarai dalam senarai penerima bantuan yang ditamatkan bantuan bulanan

8.3.2 Proses Penilaian

Dalam proses ini setiap Negeri/ Daerah mestilah mewujudkan sebuah Jawatankuasa Penilaian 2YEP peringkat Negeri/Daerah dalam membuat penilaian terhadap laporan kemajuan klien yang dibentang oleh pekerja kes atau pegawai kes yang bercadang untuk memberhentikan bantuan JKM di kalangan peserta yang telah Berjaya dan melepassi gred hijau.

Jawatankuasa ini juga boleh bersidang mengikut keperluan dari semasa ke semasa atau secara berkala yang mana difikirkan sesuai bagi membincangkan segala aspek dan isu mengenai pelaksanaan 2YEP di peringkat Negeri atau Daerah.

(Rujuk TOR Penubuhan Jawatankuasa Penilaian 2YEP bagi melihat fungsi dan peranan setiap ahli dalam jawatankuasa tersebut)

Suatu penilaian semula (post-mortem) akan dilakukan oleh satu Jawatankuasa Penilaian 2YEP di peringkat negeri/ daerah untuk mengkaji apakah kekurangan dan permasalahan yang dihadapi oleh klien dan pekerja kes yang menyebabkan klien tidak mampu dibangunkan dalam tempoh 2 tahun.

8.4 PROSES KEEMPAT : TAHAP PENAMATAN

8.4.1 Proses penamatan

Penamatan klien akan dilakukan mengikut 3 kategori iaitu :

a. Penamatan awal

Penamatan bantuan dilakukan terhadap klien yang dapat diperkasa, dibangunkan dan berjaya berdikari kurang dari tempoh dua (2) tahun.

b. Penamatan mengikut tempoh

Penamatan bantuan dilakukan terhadap klien yang dapat diperkasa, dibangunkan dan berjaya berdikari dalam tempoh genap dua (2) tahun.

c. Penamatan melebihi tempoh

Penamatan bantuan terhadap kes klien yang tidak mampu dibangunkan, diperakasa dan berjaya berdikari dalam tempoh dua (2) tahun (melebihi tempoh yang ditetapkan) adalah berdasarkan dua situasi berikut:

- i. Dilanjutkan lagi tempoh pemberian bantuan kewangan JKM selama 6 bulan sekiranya kegagalan mencapai pendapatan melebihi PGK/ syarat kelayakan disebabkan faktor luar kawalan (contoh: bencana alam, faktor kesihatan, kemalangan yang mengejut)
- ii. Tiada tempoh lanjutan sekiranya kegagalan berpunca daripada kecuaian atau sikap klien diri sendiri (contohnya: malas, tiada usaha untuk dibangunkan)

8.4.2 Pasca Penamatan

Selepas melepassi gred warna hijau, klien tidak akan dilepaskan begitu sahaja. Sebaliknya, klien akan diletakkan sebagai sumber manusia yang membantu pekerja kes menggerak program 2YEP; dan mereka akan dilibatkan dalam beberapa aktiviti sebagaimana berikut:

- Diberi pengiktirafan dan penghargaan
- Dijadikan sebagai “*Role Model*” kepada klien bantuan yang lain dan dilibatkan dalam sesi-sesi motivasi, perkongsian pengalaman, ceramah dll.
- Dilibatkan dalam program-program motivasi yang bersesuaian sebagai fasilitator atau pembantu fasilitator dan sebagainya.

- Dilibatkan sebagai Mentor dalam program **Mentor-Mentee** : iaitu melibatkan klien yang berjaya berdikari dan telah ditamatkan bantuan akan membimbing klien lain yang belum berjaya berdikari.
- Dilibatkan secara aktif dalam program **client support group**: iaitu klien berjaya akan membantu rakan-rakan penerima bantuan yang belum mampu berdikari sebagai satu kelompok **“sokong-bantu”** ke arah kejayaan

9.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEKERJA KES DAN CASE MANAGER

9.1 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DI PERINGKAT SARINGAN

- a) Membuat penyeliaan saringan pertama klien yang berpotensi untuk melaksanakan program 2 YEP menepati kriteria klien produktif iaitu sihat tubuh badan, tiada kecacatan mental, berumur 18- 55 tahun, penerima bantuan kanak-kanak, Elaun Pekerja Cacat dan Bantuan Am. Keutamaan diberi kepada klien yang berkecimpung dalam bidang perniagaan;
- b) Melaksanakan ujian Psikomatrik bagi saringan ke dua (lanjutan) untuk melihat personaliti, motivasi dan kecenderungan minat kerjaya klien yang berpotensi untuk menyertai Program 2YEP;
- c) Mengadakan analisa kemandirian klien melalui kaedah **SWOT Analisis**;

- d) Mengadakan sesi konsultasi bersama-sama klien dalam penentuan minat, kebolehan dan kemahiran dalam bidang pekerjaan; dan
- e) Membawa senarai klien yang telah melepassi 2 saringan ke Jawatankuasa Pemilihan.

9.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DI PERINGKAT INTERVENSI DAN PENEMPATAN KLIEN

- a) Merancang bersama-sama klien berkaitan projek yang akan diadakan dan gerak kerja yang akan dilaksanakan selama dua 2 tahun pengkibatan dalam 2YEP. Perancangan kerja meliputi penentuan matlamat, objektif, strategi untuk mencapai objektif dan matlamat, kos, kaedah pelaksanaan dan *outcome* bidang yang diceburi;
- b) Menjelaskan kepada klien mengenai isi kandungan surat aku janji dan mendapat persetujuan klien untuk terlibat dalam 2 YEP;
- c) Bertanggungjawab memastikan klien memulakan pekerjaan yang dipilih mengikut perancangan ditetapkan;
- d) Membangunkan kompetensi dan kapasiti klien seperti mengadakan latihan, motivasi, bimbingan dan nasihat berterusan kepada klien;
- e) Menguruskan pemberian Bantuan Geran Pelancaran kepada klien;
- f) Bertanggungjawab sebagai mediator dalam menghubungkan klien dengan agensi yang bersesuaian

seperti JobsMalaysia, Amanah Ikhtiar Malaysia, MARA, TEKUN, Giat Mara, FAMA, Jabatan Pertanian, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan lain-lain yang berkaitan;

- g) Membuat padanan pekerjaan "*job matching*"
- h) Merujuk kepada kaunselor/ Pegawai Psikologi/ Penolong Pegawai Psikologi sekiranya klien perlu dirujuk semasa fasa intervensi dan penempatan telah dilakukan

9.3 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DI PERINGKAT PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KLIEN

9.3.1 PEMANTAUAN KLIEN

- a) Mengadakan pemantauan terhadap klien melalui kaedah lawatan, semakan buku log, buku rekod perniagaan, pemerhatian dan temu bual bersemuka;
- b) Melaksanakan pemantauan pada setiap 3 bulan merangkumi pemberian Bantuan Geran Pelancaran, peningkatan pendapatan, peningkatan prestasi kerja, penggunaan peralatan yang dibekalkan, peningkatan kemahiran dan kebolehan untuk berdikari;
- c) Menyediakan laporan pemantauan pergerakan pendapatan pada setiap bulan;
- d) Pemantauan bersama-sama dengan agensi dan Jabatan yang terlibat sekiranya perlu; dan
- e) Mengadakan perbincangan mengenai pasti masalah yang dihadapi.

9.3.2 PENILAIAN KLIEN

- a) Membuat penilaian pelaksanaan berasaskan kepada perancangan yang telah dibuat;
- b) Menilai perkembangan projek;
- c) Membuat refleksi berkaitan kefungsian sosial klien terhadap keluarga, persekitaran, komuniti dan projek yang dijalankan;
- d) Membuat penambahbaikan terhadap pelaksanaan projek; dan
- e) Membentangkan pencapaian kemajuan klien dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian 2YEP di peringkat Negeri/ Daerah untuk syor atau pandangan ahli mesyuarat untuk penamatan.

9.4 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DI PERINGKAT PENAMATAN

- a) Mengadakan sesi konsultasi bagi persediaan penamatan kes;
- b) Membuat pengukuhan perancangan masa hadapan klien;
- c) Merujuk klien kepada agensi yang boleh meneruskan perkembangan klien;
- d) Melibatkan klien yang telah berjaya menjana pendapatan dan diberhentikan program di dalam ***Client Support Group***;
- e) Mengadakan program *mentor-mentee* dalam memastikan kejayaan klien yang lain.

9.5 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB DARI ASPEK PENTADBIRAN

- a) Mengemaskini rekod dan maklumat klien dan perkembangan projek klien di dalam fail;
- b) Membuat semakan fail dan bertanggungjawab terhadap pengauditan;
- c) Menyediakan kertas cadangan program pembangunan kapasiti terhadap klien;
- d) Membuat **semakan** terhadap laporan perkembangan kes yang disediakan oleh Pegawai Psikologi bagi tujuan intervensi selanjutnya;
- e) Mengurus setia Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian 2YEP di PKMD/ JKMN;
- f) Menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Penilaian 2YEP; dan
- g) Mengurus setia perundingan kes.

10. PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI PSIKOLOGI

- a) Membuat saringan lanjutan terhadap klien dengan menggunakan Alat Penaksiran Psikologi dalam memilih klien berpotensi untuk menceburi 2YEP sekiranya diperlukan oleh pekerja kes di peringkat daerah/ negeri;
- b) Menjalankan intervensi kaunseling atau khidmat nasihat kepada klien yang dirujuk oleh pekerja kes;
- c) Mengadakan intervensi bersama pekerja kes dalam mengendalikan kes-kes klien yang agak kompleks terutama yang membabitkan masalah emosi dan psikologi;

- d) Berbincang bersama klien dan pekerja kes dalam menjalankan intervensi yang bersesuai dalam aspek pembangunan minda;
- e) Mengemukakan laporan bertulis kepada pekerja kes setiap kali selesai sesi kaunseling yang telah diadakan bagi kes-kes yang dirujuk oleh pekerja kes; dan
- f) Membuat penilaian semula terhadap klien dengan menggunakan Alat Penaksiran Psikologi yang lain (sekiranya bersesuaian).

11.0 PERKHIDMATAN YANG DIKENDALIKAN OLEH JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT KEPADA PESERTA 2YEP

- a) Menyediakan khidmat kaunseling oleh Pegawai Psikologi dan program-program berbentuk motivasi dan *mind set change* di kalangan klien yang tiada matlamat;
- b) Membantu urusan mendapatkan peluang perniagaan dan pemasaran produk;
- c) Menjalankan bimbingan, pemantauan dan seliaan berterusan;
- d) Menyediakan modal asas sebanyak RM2,700 untuk berniaga atau meneruskan perniagaan;
- e) Merujuk klien kepada agensi-agensi lain untuk bimbingan atau nasihat pakar dan teknikal;
- f) Rujukan ke JobsMalaysia/ syarikat swasta/ badan koprat untuk penempatan pekerjaan atau padanan pekerjaan;

- g) Rujukan kepada agensi pemberi bantuan pinjaman mikro kredit untuk mengembangkan perniagaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN, Agro Bank, MARA dan lain-lain agensi berkaitan; dan
- h) Galakan, bimbingan dan dorongan berterusan kepada klien dan ahli isi rumah ke arah berdikari.

12.0 PENUTUP DAN KESIMPULAN

Jabatan Kebajikan Masyarakat komited dalam usaha untuk merealisasikan program 2YEP di bawah “*Productive Welfare*” yang telah dirancang di bawah agenda Rancangan Malaysia Ke-11 bermula pada tahun 2016. Modal Insan merupakan elemen utama dalam menggerak dan melaksanakan sesuatu perancangan bagi mencapai sasaran sebagaimana yang telah digariskan.

Sesuatu perancangan ke arah perubahan positif tidak akan berlaku secara menyeluruh dan berkesan sekiranya penyediaan modal insan tidak dapat dilakukan. Justeru itu, bagi memastikan bahawa pendekatan program “*Productive Welfare*” dapat dibangunkan secara menyeluruh dan bersepada maka penyediaan tenaga kerja selaku modal insan yang menjadi penggerak di peringkat akar umbi perlu diperhebat.